

10 DEC 1999

Mahathir-Musa

PELANTIKAN MUSA UNTUK SUNTIK IDEA BARU DALAM PENDIDIKAN, KATA DR
MAHATHIR

PUTRAJAYA, 10 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelantikan bekas naib canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Tan Sri Musa Mohamad sebagai Menteri Pendidikan ialah untuk memberi suntikan idea baru dalam bidang itu.

Katanya, pelantikan "orang luar" itu memberi peluang kepada golongan cerdik pandai yang berkebolehan untuk memberi sumbangan kepada kerajaan.

"Mungkin ada suntikan idea-idea baru kerana kita dapati ramai daripada cerdik pandai yang ada di luar, umpamanya tak dapat sertai Umno secara berkesan sebab proses naik pangkat dalam cawangan dan bahagian mengambil masa yang terlalu panjang," katanya pada sidang berita bagi mengumumkan senarai kabinet barunya di sini.

Musa dari Umno Pulau Pinang, yang akan dilantik sebagai senator, adalah seorang daripada sembilan muka baru dalam jemaah menteri yang dimumumkan oleh Dr Mahathir.

Beliau akan mengambil alih daripada Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dalam kabinet lepas, yang kembali menjadi Menteri Pertahanan.

Musa akan bergandingan dengan seorang lagi senator iaitu Datuk Abdul Aziz Samsuddin, yang juga Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, dan Datuk Hon Choon Kim sebagai Timbalan Menteri.

Bekas pensyarah Universiti Malaya Dr Mahadzir Mohd Khir yang memenangi kerusi Parlimen Sungai Petani, dalam pilihan raya umum baru-baru ini, dilantik sebagai setiausaha parlimen Kementerian Pendidikan.

Perdana Menteri menyembahkan senarai kabinet barunya kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara pagi tadi untuk diperkenankan.

Ditanya sama ada pertukaran Najib ke Kementerian Pertahanan mempunyai kaitan dengan kemerosotan pencapaiannya dalam pilihan raya umum baru-baru ini apabila menang hanya dengan majoriti tipis beliau berkata: "Tidak, ianya kerana kita mahukan seorang menteri baru dari luar."

Yang turut hadir pada persidangan berita itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

AFY MAI